



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI TOLERANSI SEDUNIA SEBAR MESEJ KEHARMONIAN DAN MUHIBAH BERDASARKAN KONSEP FAHAM, HORMAT DAN TERIMA

MELAKA, 16 November 2024 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan Sambutan Hari Toleransi Sedunia sebagai usaha untuk **meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkuatkannya keharmonian dan perpaduan**. Majlis perasmian sambutan telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka, hari ini.

Sambutan ini juga diadakan antara lain bertujuan untuk membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah berdasarkan konsep **Faham, Hormat dan Terima** dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

UNESCO telah mendeklarasikan 16 November sebagai Hari Toleransi Sedunia. Deklarasi tersebut menegaskan bahawa toleransi adalah **penghormatan dan penghargaan terhadap keragaman budaya dunia, ekspresi dan cara bermasyarakat**.

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami dalam ucapannya berkata, “ekspresi yang dizahirkan dalam Sambutan Hari Toleransi disesuaikan dalam konteks kemajmukan masyarakat negara Malaysia. Walaupun wujudnya perbezaan daripada kepelbagaian yang menjadi cabaran dalam mengukuhkan perpaduan, namun jika iaanya diuruskan dengan baik iaitu adanya sifat toleransi dan persefahaman masyarakat, kepelbagaian ini menjadi kekuatan negara dalam membentuk masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu”.

Turut diadakan pada program ini ialah *Harmony Walk* iaitu lawatan ke rumah-rumah ibadat, muzium dan bangunan kebudayaan bertujuan untuk mengajak rakyat berbilang kaum menyelami serta mengenali budaya dan agama sekali gus menyemai semangat keharmonian di dalam negara. Para peserta juga dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dan identiti etnik di perhentian laluan *Harmony Walk*.

Kementerian Perpaduan Negara

16 November 2024